

## **Perubahan Perlembagaan Thailand dan Kesannya Terhadap Sosiopolitik Masyarakat**

*The Changes to the Constitution of Thailand and Its Impact  
Sociopolitical Community*

Rabaah Abdullah  
Universiti Pendidikan Sultan Idris  
email: rabaah@fsk.upsi.edu.my

### **Abstrak**

Artikel ini menfokuskan tentang perkembangan di Thailand khususnya berkaitan dengan perubahan perlembagaan dan kesannya ke atas masyarakat. Thailand merupakan antara negara yang memiliki paling banyak versi perlembagaan khususnya di rantau Asia Tenggara ini. Perlembagaan Thailand boleh dikategorikan kepada empat versi iaitu pertama (versi ahli politik), kedua (versi tentera), ketiga (versi pra-1972) dan keempat (versi 1997 dinamakan versi Diraja). Kesemua versi perlembagaan ini mengandungi akta yang menyentuh tentang kebebasan dan hak masyarakat Thailand. Kebebasan dan hak masyarakat yang diperkatakan di sini adalah merujuk kepada perubahan yang berkaitan dengan hak sosial masyarakat seperti kebajikan, amalan dan kepercayaan beragama serta hak berpolitik seperti menubuhkan parti, persatuan, dan keterlibatan sebagai anggota kabinet. Secara umumnya, amalan prinsip demokrasi dan keadilan sosial hampir tidak diamalkan secara berkesan terutamanya ketika Thailand berada di bawah pemerintahan tentera walaupun terdapat akta berkenaan dalam perlembagaan sama ada versi tentera dan versi politik. Namun dengan kebangkitan gerakan pelajar universiti pada tahun 1974, keadaan ini mula berubah. Perjuangan menegakkan amalan demokrasi oleh pelajar universiti melalui persatuan *National Student Center of Thailand* berjaya memberi kesedaran kepada semua lapisan masyarakat Thailand. Penggubalan Perlembagaan 1974 di bawah kerajaan awam, memberi peluang yang luas kepada masyarakat umum untuk menubuhkan parti politik dan kesatuan sekerja yang mewakili golongan buruh dan petani.

**Kata kunci** Perlembagaan Thailand, hak sosiopolitik masyarakat, demokrasi

### **Abstract**

Thailand is among the countries which have the most versions of the constitution. Until 1997, the Constitution of Thailand were categorized into four versions; the first version was called the politician version. The second version was named as military version, third the pre-1972 and 1997 version named as the Royal version. All these versions of its constitution were amended to make some changes which concerned the freedom of speech and the right of people. Freedom and the right of people in the constitution is referring to the changes in social right of society such the welfare of the people, the freedom to practice their own religions and beliefs and people right to politically involved such establishing political parties and associations. There is always the question whether all the freedom and right of people enshrined in the constitution is realized into the government policies and actions where generally the practice of democracy principles and social justice hardly implemented effectively. In the case of Thailand, the student uprising in 1974 has changed the situation where the struggle for democracy by them through the National Student Center of Thailand successfully brought awareness to all level of society. The drafting of the Constitution of 1974 under the civilian government, provide wide opportunities to the public to establish political parties and trade unions representing the workers and peasants .

**Keyword** Constitution of Thailand, social right of society, democracy

## **PENGENALAN**

Sejarah dan perkembangan pembaharuan versi Perlembagaan Thailand merupakan antara isu yang menarik perhatian rakyat Thai dan masyarakat dunia untuk sentiasa mengikuti perubahan politik atau dalam bahasa Thainya '*kanplianplaeng kanpokkhrong*' di Thailand. Manakala revolusi (*kanpattiwat*) merupakan titik tolak kepada perubahan politik secara menyeluruh dan ia dapat disaksikan dengan jelas melalui revolusi

1932, 1973 dan 1976. Impak yang paling ketara dari revolusi tersebut ialah berlaku peralihan kuasa yang silih berganti di antara kerajaan tentera dengan kerajaan awam dan setiap peralihan kuasa tersebut diikuti dengan pindaan dalam perlembagaan Thailand. Dengan jumlah sebanyak 16 versi perlembagaan di antara 1932 hingga 1997, Thailand antara negara yang memiliki paling banyak versi perlembagaan khususnya di Asia Tenggara.

Menurut Pinai Nanakorn, antara intipati perlembagaan ialah;

*A set of fundamental principles that determine the form of the state, the organization of government, the functions and powers of the government and its branches, and the manner in which these powers are to be exercise.*

(Pinai Nanakorn, 1999: 260)

Menurut Pinai lagi objektif perlembagaan ialah;

*Guarantee of fundamental rights and liberties of the people so as to prevent their arbitrary deprivation by those who exercise the ruling power.*

(Pinai Nanakorn, 1999: 260).

Merujuk kepada kenyataan Pinai tersebut, perlembagaan boleh disifatkan sebagai satu garis panduan atau perinsip asas kepada pemerintah bagi menentukan bentuk, organisasi, fungsi serta bidang kuasa kerajaan dan cawangannya, termasuk cara perlaksanaan bidang kuasa tersebut dalam memastikan hak-hak asasi dan kebebasan rakyat terjamin.

Manakala menurut Giles Ji Ungpakorn,

*We can't deny sometimes changes [in constitution] occurred based on who was in power. Amendments were sometimes beyond time but there was also times when they have to move backward to suit contemporary needs.*

(Giles Ji Ungpakorn 2008)

Kenyataan yang diutarakan oleh Giles Ji Ungpakorn menggambarkan walaupun perlembagaan Thailand bertujuan menjamin hak asasi dan kebebasan rakyat namun ada kalanya pindaan perlembagaan itu perlu dilakukan bagi menyesuaikan dengan keperluan semasa di samping tidak mengabaikan kepentingan pemerintah dan golongan istana.

Kobkua Suwannathat-Pian menyifatkan Perlembagaan Thailand bertujuan untuk memudahkan urusan pentadbiran khususnya kepada empat kumpulan yang terlibat secara langsung dalam pentadbiran. Kumpulan tersebut ialah (i) ahli politik, (ii) konservatif-raja, (iii) tentera dan ahli birokrat, dan (iv) golongan pertengahan. Beliau juga telah membahagikan Perlembagaan Thailand kepada empat versi iaitu (i) versi ahli politik, (ii) versi tentera, (iii) versi pra-1972 dan (iv) versi Diraja (Kobkua Suwannathat-Pian, 2003:7). Pembahagian ini secara tidak langsung memperlihatkan bahawa wujud monopoli kuasa yang turut membabitkan pindaan kepada polisi pemerintahan, nama dan juga kandungan perlembagaan mengikut kesesuaian keadaan, prinsip dan kehendak pihak yang sedang berkuasa sama ada ketika berada di bawah kerajaan tentera mahupun kerajaan awam. Lazimnya, perubahan pemerintahan berlaku disebabkan oleh tiga keadaan iaitu rampasan kuasa, pilihanraya dan juga perletakan jawatan Perdana Menteri. Apabila berlaku pertukaran kerajaan maka pindaan perlembagaan juga turut berlaku yang antaranya bertujuan untuk mengukuhkan kuasa pemerintah.

Inisiatif untuk membentuk sebuah perlembagaan bermula ketika pemerintahan Raja Chulalongkorn (1868-1910). Ia sebagai satu tindak balas kepada tuntutan sekumpulan mahasiswa dari golongan bangsawan yang terpengaruh dengan sistem demokrasi ketika mereka menuntut di Eropah. Kumpulan ini mendesak supaya kerajaan monarki mutlak ditukarkan kepada sistem kerajaan berperlembagaan. Sehubungan itu, Raja Chulalongkorn telah menubuhkan Majlis Kerajaan bagi merangka undang-undang negara dengan tujuan untuk memulakan perancangan pembentukan perlembagaan. Baginda telah mengarahkan kumpulan mahasiswa tersebut bersidang dan merangka draf perlembagaan. Draft tersebut dinamakan 'Draft Royal Decree No.1 Relating to Royal Traditions of Siam' dan ia merupakan draf undang-undang pertama yang

membatasi hak-hak istimewa Diraja. Bagaimanapun draf ini tidak pernah diisytiharkan (Kobkua Suwannathat-Pian, 2003:258).

Tuntutan dari kumpulan mahasiswa yang pernah menuntut di Eropah tersebut jelas menunjukkan bahawa idea untuk melaksanakan sistem Raja Berperlembagaan dicetuskan oleh golongan yang berpendidikan tinggi. Tuntutan golongan mahasiswa ini bertepatan dengan empat proses demokrasi iaitu perlu wujudnya sebuah perlembagaan, parti politik, parlimen dan pilihanraya. Justeru itu, perubahan politik yang berlaku akibat dari Revolusi 1932 ketika pemerintahan Raja Prajadhipok (1925-1935) boleh diklasifikasikan sebagai satu permulaan kepada pelaksanaan sistem demokrasi di Thailand (Kobkua Suwannathat-Pian, 2003:4). Ia juga merupakan permulaan kepada penglibatan mahasiswa Thai dalam proses reformasi politik di Thailand.

Isu perlembagaan juga merupakan isu utama yang mendorong kebangkitan mahasiswa pada tahun 1970-an. Perkara ini dipersetujui oleh Thanet Apornsuvan, menurut beliau,

*The main issue in 1970s was about constitution, and at that time, I was a member of an informal group known as group of constitution.*

(Thanet Apornsuvan, 2009)

Pada tahun 1973 misalnya, golongan mahasiswa menuntut kerajaan yang pada ketika itu berada di bawah pimpinan Perdana Menteri Thanom Kittikachorn supaya menggubal perlembagaan yang baru dengan memberikan keutamaan kepada hak-hak asasi dan kebajikan rakyat. Perjuangan mahasiswa menuntut keadilan rakyat ini dikuatkan lagi dengan kenyataan Seksan Prasertkul salah seorang pemimpin pelajar yang menubuhkan *Free Thammasart Group yang berbunyi 'we fight for democracy and human rights'*. Golongan mahasiswa ini juga percaya amalan sistem demokrasi di Thailand akan membawa perubahan dan kemajuan yang lebih baik kepada negara dan juga rakyat (Seksan Prasertkul, 2008). Sebagai memenuhi tuntutan tersebut kerajaan awam yang menggantikan kerajaan tentera pada tahun 1973 menggubal Perlembagaan 1974 yang lebih menjaga kebajikan rakyat serta membuka ruang untuk rakyat terlibat dalam politik. Walaupun tidak semua proses pindaan dalam perlembagaan menunjukkan adanya keterlibatan mahasiswa secara langsung namun keberhasilan tuntutan mahasiswa dapat dilihat dalam perlembagaan yang berikutnya misalnya Perlembagaan 1997 yang memberi keutamaan kepada hak asasi dan kebajikan rakyat sehingga ia dikenali sebagai perlembagaan rakyat.

### **Perlembagaan Thailand Versi Ahli Politik**

Revolusi 1932 dilihat sebagai satu tindakan yang sangat radikal hingga berjaya menukar sistem pemerintahan di Thailand dari kerajaan monarki mutlak kepada kerajaan Raja Berperlembagaan yang meletakkan Perdana Menteri sebagai ketua kerajaan dan Raja sebagai ketua negara. Bermula dari tahun 1932 hingga 1949 terdapat lima perlembagaan yang dibentuk iaitu Perlembagaan tahun 1932 sebanyak dua kali, Perlembagaan 1946, Perlembagaan 1947 dan Perlembagaan 1949. Kelima-lima perlembagaan tersebut disifatkan sebagai versi politik kerana sepanjang tempoh ini kerajaan dikuasai oleh parti-parti politik antaranya seperti *People's Party*, *Free Thai Movement* dan *Democrat Party*. Tempoh masa ini memperlihatkan *People's Party* mempunyai pengaruh yang kuat dan mendominasi kuasa pemerintahan di Thailand.

Sebagai memenuhi prinsip demokrasi, kerajaan turut menggubal akta yang berkaitan dengan hak rakyat Thai, dalam bab dua perlembagaan yang kedua (1932), (seksyen 12-15) menerangkan secara ditil berkenaan hak tersebut. Misalnya dalam seksyen 14, dinyatakan secara jelas seperti berikut;

*Subject to the provisions of law, every person enjoy the full liberty of person, dwelling, property, speech, writing, publication, education, public meeting, association and profession.*

(Perlembagaan Thailand, 1932)

Kenyataan di atas menjelaskan selain dilindungi oleh undang-undang, rakyat Thai juga mempunyai kebebasan yang penuh termasuk bebas untuk berucap, menulis dan juga menerbitkan penulisan mereka. Namun hakikatnya kebebasan yang diperolehi oleh rakyat sebenarnya mempunyai batasan dan apa juga karya mereka seharusnya tidak mempunyai unsur yang menghina atau mengancam kerajaan, institusi raja

dan juga perlembagaan negara. Bagi melindungi kepentingan parti dan perlembagaan, *People's Party* menggunakan akta 'perlindungan akta perlembagaan' untuk menentang mana-mana kritikan yang ditujukan kepada perlembagaan. Kesannya sebilangan besar yang mengkritik perlembagaan telah ditahan.

Bagaimanapun terdapat sedikit perubahan dalam Perlembagaan Thailand 1946 khususnya berhubung dengan hak berpolitik masyarakat umum. Artikel utama dalam perlembagaan ini menyatakan bahawa kakitangan kerajaan dan tentera yang aktif tidak dibenarkan menjadi ahli parlimen atau mengetuai kementerian (*Perlembagaan Thailand 1946*). Sehubungan itu, ia membuka peluang yang luas kepada rakyat untuk menyertai politik, menjadi ahli parlimen dan kabinet melalui pilihanraya yang diadakan pada tahun 1946 dan sedikit sebanyak ia juga dapat mengurangkan monopoli kuasa oleh golongan tentera. Perlembagaan Thailand yang ketiga ini juga disifatkan lebih liberal dan terlihat jelas usaha kerajaan untuk memenuhi prinsip demokrasi. Perubahan ini juga memenuhi sebahagian dari matlamat golongan mahasiswa yang mahu memperbaiki nasib dan meningkatkan kemajuan rakyat dan ia hanya dapat dicapai dengan adanya penyertaan secara langsung dari golongan awam di parlimen yang bertindak sebagai wakil rakyat.

Berbanding dengan Perlembagaan 1947 yang tidak terdapat pindaan berhubung hak sosial dan politik masyarakat awam, Perlembagaan 1949 dilihat kembali membataskan penyertaan atau pemilihan orang awam secara terbuka untuk memegang jawatan dalam senat sebaliknya mengembalikan kuasa kepada pihak istana. Walaupun begitu, terdapat beberapa peruntukan yang digubal dalam perlembagaan kelima ini yang mengutamakan kepentingan dan menjamin hak serta kebebasan rakyat termasuklah kebebasan untuk mengemukakan bantahan. Manakala kebebasan media juga terjamin iaitu apa-apa larangan terhadap aktiviti penerbitan atau mencetak tidak akan diterima. Ia dinyatakan dalam perlembagaan kelima (Seksyen 35) seperti berikut:

*Such liberty may be restricted only by the provision or special law enacted for the purpose of safeguarding the liberties of subjects, averting a state of emergency, maintaining public order or good morals or protecting youths against moral degeneration. No printing establishment shall be close down nor an order made forbidding publishing work therein to the prejudice of the liberty guaranteed by this section. No censorship of newspaper may be imposed except during time a war, state of war, state of emergency as declared by Royal Command or during the period when martial law is declared. Nevertheless, no such censorship may be imposed except by virtue of the power determined by the law enacted under the provisions of the second paragraph.*

(Perlembagaan Thailand, 1949)

Ini jelas menunjukkan perlembagaan ini bersifat lebih liberal dan selari dengan perjuangan mahasiswa yang mahu rakyat diberikan kebebasan bersuara dan berpolitik.

### **Perlembagaan Thailand Versi Tentera**

Sekitar 1952 hingga 1972 negara Thailand ditadbir sepenuhnya oleh kerajaan tentera dan kerana itu perlembagaan yang dibentuk sepanjang tempoh masa ini disifatkan sebagai versi tentera dan corak pemerintahannya lebih diktator. Terdapat tiga perlembagaan yang diisytiharkan iaitu Perlembagaan 1952 (Pindaan 1932), Perlembagaan 1959 dan Perlembagaan 1968. Perlembagaan 1932 dilaksanakan semula oleh Perdana Menteri Phibun Songkram (1948-1957) dengan alasan ia bersesuaian dengan keadaan semasa dalam negara. Struktur politik di bawah perlembagaan ini mengikut perlembagaan kedua tetapi garis panduan peruntukan perlembagaan lebih menyerupai perlembagaan yang kelima (Pinai Nanakorn, 1999:265). Apabila merujuk kepada Perlembagaan Thailand yang keenam dan ketujuh, juga jelas memperlihatkan kedudukan dan kuasa Raja itu kembali diberi keutamaan dalam politik atau dengan kata lain mengembalikan semula kuasa kepada pihak istana. Manakala hak asasi rakyat sama seperti yang termaktub dalam perlembagaan sebelumnya. Kuasa tentera lebih dominan apabila kerajaan berada di bawah pimpinan Perdana Menteri Thanom Kittikachorn (1963-1974) tetapi perlembagaan kelapan yang dinamakan *The Constitution of the Kingdom of Thailand (1968)* kelihatannya tidak memihak kepada tentera sebaliknya masih lagi mengutamakan kuasa istana. Menyedari hakikat bahawa perlembagaan ini tidak mampu untuk mengukuhkan kuasa tentera, Thanom membubarkan parlimen sekali gus membubarkan perlembagaan tersebut.

Tidak banyak pindaan yang dilakukan dalam peruntukan perlembagaan yang berkaitan dengan hak dan tanggungjawab rakyat dalam Perlembagaan 1968 ini. Bagaimanapun hak rakyat untuk berserikat dan juga berpolitik berada di bawah kawalan kerajaan. Rakyat boleh menubuhkan persatuan dan juga berpolitik tetapi aktiviti dan juga operasinya tertakluk di bawah undang-undang kerajaan. Ini dapat dilihat melalui Artikel 36 dan 37 dalam perlembagaan ini. Artikel 36 menyatakan:

*A person enjoys full liberty of association, if the object thereof is not unlawful. The establishment and operation of an association is governed by law.*

(Perlembagaan Thailand, 1968:5)

Dan Artikel 37 juga menyebut;

*All person enjoy full liberty to form and operate a political party by democratic means so far as it is not inconsistent with the form of government determined by this constitution. The establishment and operation of a political party is governed by law on political parties.*

(Perlembagaan Thailand, 1968:5)

Melalui perlembagaan Thailand yang pertama hingga kelapan, jelas memperlihatkan dua isu yang utama iaitu kuasa tentera dan juga kuasa istana. Kelihatannya wujud persaingan di antara kedua-dua kuasa ini sedangkan jika melihat semula kepada konsep demokrasi, sepatutnya kuasa pemerintahan itu dimonopoli oleh masyarakat awam. Campurtangan golongan tentera dalam politik yang juga dikenal sebagai 'ahli-ahli politik yang berpakaian seragam' sedikit sebanyak menyekat peluang masyarakat awam untuk sama-sama terlibat dalam politik Thailand. Tempoh masa tersebut menunjukkan bahawa pemerintahan yang lebih demokratik di Thailand masih belum dapat dilaksanakan sepenuhnya.

Ketidakstabilan politik ini telah membangkitkan rasa tidak puas hati dalam kalangan mahasiswa seterusnya mahasiswa mengambil tindakan melancarkan beberapa demonstrasi sebagai bantahan terhadap keputusan kerajaan. Terdapat dua demonstrasi yang secara langsung menyentuh kelemahan kerajaan tentera iaitu demonstrasi menentang 'pilihanraya kotor' (1957) dan demonstrasi menentang undang-undang tentera (1968). Tindakan mahasiswa ini jelas menunjukkan kesensitifan yang tinggi terhadap pelaksanaan sistem demokrasi di Thailand dan menuntut supaya kerajaan dapat membentuk dan mengamalkan perlembagaan yang mengutamakan rakyat. Tanda keseriusan mahasiswa memperjuangkan demokrasi beberapa pemimpin mahasiswa universiti seluruh Thailand yang diketuai oleh Thirayuth Boonmee menubuhkan *Nasional student center of Thailand* (NSCT) pada tahun 1969 dan persatuan ini dijadikan sebagai satu saluran untuk menyatakan cadangan atau bantahan terhadap keputusan kerajaan.

### **Perlembagaan Versi Pra-1972**

Ibarat sudah menjadi satu tradisi di Thailand apabila berlaku peralihan kuasa maka secara automatik perlembagaan juga akan dibubar dan digubal semula dengan beberapa pindaan yang dilihat lebih menguntungkan pihak yang memegang kuasa. Keadaan yang sama turut berlaku dalam politik Thailand dekad 1970-an. Terdapat lima perlembagaan yang dibentuk sepanjang dekad ini iaitu Perlembagaan 1972, Perlembagaan 1974, Perlembagaan 1976, Perlembagaan 1977 dan Perlembagaan 1978. Kelima-lima perlembagaan yang digubal sepanjang dekad 1970-an ini dikategorikan sebagai versi pra-1972. Sepanjang tempoh ini terdapat lima parti yang pernah menguasai pemerintahan Thailand iaitu dari calon Bebas, *Social Action Party*, *Democrat Party*, kerajaan tentera dan *Thai Nation Party*. Kelima-limanya mempunyai corak pemerintahan yang berbeza dan ia dapat dilihat melalui perlembagaan yang digubal semasa parti-parti tersebut berkuasa. Antara tempoh ini mahasiswa terus berperanan sebagai pemerhati dan sentiasa memberikan respon terhadap tindak tanduk kerajaan.

Perlembagaan 1972 diisytiharkan oleh Perdana Menteri Thanom Kittikachorn. Perlembagaan ini dilihat lebih banyak memberi manfaat kepada pihak pentadbir atau lebih bercorak *authoritarian*. Ini dapat dilihat melalui Artikel 17 yang disebut sebagai 'kuasa khas'. Artikel tersebut menyatakan:

*During the enforcement of this Constitution, if the President of the Council of Ministers deems appropriate to prevent, repress or suppress any act subverting the security of the Kingdom, the Throne, national economy or affairs of State, or any act disturbing or threatening public order or*

*good moral, or any act destroying national resources or deteriorating public health and sanitation, notwithstanding such act occurs before or after the day this constitution comes into force, or occurs within or outside the Kingdom, the President of Council of Ministers shall, by resolution of the Council of Ministers, be authorized to make any order or take any action accordingly, and such order or action as well as acts performed in compliance therewith shall be considered lawful.*

(Perlembagaan 1972:8)

Secara ringkasnya, ia bermaksud bahawa kuasa Perdana Menteri tidak terhad dan beliau boleh mengambil sebarang tindakan ke atas orang awam yang mana aktiviti mereka dianggap sebagai satu ancaman kepada kerajaan (Kramol Thongthammachat, 1981:34). Artikel 17 tersebut jelas bercanggah dengan prinsip demokrasi. Golongan mahasiswa terutamanya yang menyedari berlakunya penyelewengan kuasa dalam kalangan pemerintah mula melancarkan penentangan terhadap kerajaan Thanom. Berikutan penentangan mahasiswa terhadap Perdana Menteri Thanom, pada tahun 1973 artikel ini digunapakai ke atas 13 orang mahasiswa yang menuntut supaya kerajaan membentuk satu perlembagaan tetap. Inilah bibit awal yang membawa kepada demonstrasi besar-besaran mahasiswa 1973.

Di samping itu, Perlembagaan 1972 juga boleh dianggap sebagai perlembagaan yang paling kurang menitikberatkan demokrasi dan terdapat lima perkara yang menjelaskan keadaan tersebut iaitu (i) mengabaikan hak asasi rakyat, (ii) melarang buruh dan petani menubuhkan kesatuan pekerja, (iii) meniadakan prinsip demokrasi yang seharusnya datang dari rakyat sebaliknya mempraktikkan dominasi kuasa dalam kalangan pemerintah terutamanya di bawah pentadbiran rejim tentera, (iv) kerajaan dibenarkan melantik 100 orang Senator yang diberi hak yang sama dengan wakil yang dipilih. Dan, (v) jawatankuasa draf perlembagaan juga bertindak atas kepentingan sendiri dan menghalang golongan miskin terlibat dalam pentadbiran negara (*Bangkok Post*, 1 Mac 1974).

Thanom kemudiannya bertindak membubarkan Perlembagaan 1972 dan tindakan ini mendorong NSCT mendesak beliau mengadakan satu perlembagaan yang baru. Namun kelewatan kerajaan mengistiharkan perlembagaan tetap menimbulkan rasa tidak puas hati terutamanya dalam kalangan kumpulan mahasiswa. Lantaran itu ahli NSCT merangka draf perlembagaan yang mengandungi 52 artikel. Dalam draf perlembagaan yang dirangka tersebut turut menyatakan rakyat berhak untuk menentang mana-mana tindakan yang boleh memansuhkan perlembagaan (*Bangkok Post*, 11 Ogos 1973). Usaha yang dilakukan oleh NSCT ini menjadi pembuka jalan kepada satu perubahan yang lebih besar dalam politik Thailand. Demonstrasi besar-besaran pada 14 Oktober 1973 atau lebih dikenali dengan nama 'Bloody Sunday' menyaksikan kejatuhan kerajaan Thanom dan tertegaknya kerajaan awam di bawah Perdana Menteri Sanya Dharmmasak yang kemudiannya mengisytiharkan Perlembagaan 1974.

Perlaksanaan Perlembagaan 1974 ini boleh dirujuk sebagai satu kejayaan kepada usaha dan perjuangan mahasiswa yang membabitkan kepentingan masyarakat umum. Walaupun tidak ada perubahan yang besar setidak-tidaknya hak-hak masyarakat umum ini tidak lagi hanya berada di atas kertas sebaliknya apa yang penting hak rakyat untuk berpolitik, mengkritik kerajaan, mengemukakan tuntutan dan pelbagai aktiviti mereka mula diberi perhatian oleh pihak yang berkuasa. Ia tidak bermakna bahawa dalam perlembagaan yang lain tidak memuatkan peruntukan untuk hak dan kebebasan rakyat cuma kebebasan tersebut berada di bawah kawalan kerajaan. Kebanyakan perlembagaan menguatkuasakan artikel 17 yang memberi 'kuasa khas' kepada Perdana Menteri, dengan kata lain sekiranya rakyat mengkritik kerajaan atau perlembagaan akan dikenakan tindakan yang keras. Hak dan kebebasan rakyat diberi keutamaan dalam Perlembagaan 1974 (Artikel 26-51), sebagai contoh semua rakyat memiliki hak yang sama rata dan dilindungi oleh perlembagaan. Begitu juga dengan hak beragama, ia dinyatakan dalam Artikel 29 seperti berikut:

*Every person shall have complete freedom to profess any religion, any religious sect or religious creed, and to conduct practice of worship in accordance with his own belief, provided that it is not contrary to his civic duties or to public order or good morals.*

(*Bangkok Post*, 28 Februari 1974)

Artikel ini menjelaskan rakyat bebas mengamalkan agama yang dianuti dan melakukan ritual agama asalkan ia tidak mengganggu tugas sivik, orang awam dan nilai yang baik.

Perkara yang berkaitan dengan kes jenayah juga turut diberikan penekanan utama di mana seseorang yang dituduh bersalah dianggap tidak bersalah sehingga dibuktikan dia bersalah oleh undang-

undang. Sekiranya seseorang pesalah miskin dan tidak mempunyai duit, dia layak untuk mendapat bantuan bagi tujuan pembelaan dari kerajaan sepertimana yang telah diputuskan oleh kerajaan. Dari Perlembagaan 1974 (Artikel 31) menyebut:

*In criminal cases, the alleged offender or the accused is entitled to speedy investigation and trial. In the case where the alleged offender or the accused is poor and has no money to acquire counsel, such person is entitled to assistance from the State as provided by law.*

(Bangkok Post, 28 Februari 1974)

Selain itu, dalam Perlembagaan 1974 (Artikel 37) juga menyebut bahawa rakyat tidak dipaksa untuk berkhidmat sebagai tentera, namun begitu perlu berkhidmat apabila kerajaan berada dalam peperangan atau kecemasan dan juga diisytiharkan undang-undang tentera. Ia dinyatakan dengan jelas seperti berikut:

*No person may be drafted for military service except by virtue of the provisions of law particularly enacted for the purpose of averting imminent public calamity, or by virtue of the provisions of law when the country is at war or in a State of war, or during the time that a state of emergency or martial law is declared.*

(Bangkok Post, 28 Februari 1974)

Rakyat juga bebas untuk menulis dan mendapat pendidikan. Berdasarkan Perlembagaan 1974 (Artikel 40) jelas menyatakan rakyat bebas untuk berucap, menulis, mencetak dan juga menerbitkan karya-karya mereka. Dan melalui Artikel 41 pula dinyatakan hak rakyat untuk mendapat pendidikan. Dengan menggalakkan penulisan dan pendidikan dalam kalangan rakyat jelas menunjukkan perlembagaan ini menepati kehendak rakyat sekaligus memiliki ciri liberal demokrasi seperti yang disuarakan oleh mahasiswa. Manakala dalam Artikel 42-44 pula menyatakan bahawa rakyat bebas mengadakan perhimpunan secara aman dan tanpa senjata, bebas menubuhkan persatuan dan bebas berpolitik. Misalnya Artikel 43 dinyatakan seperti berikut;

*Person enjoy the freedom to form associations. Formation, objects and operation of an associations must not infringe the law.*

(Bangkok Post, 28 Februari 1974)

Dan Artikel 44 menyebut:

*Every person enjoys the freedom to form a political party for the purpose of pursuing his political activities by democratic means as provided in this constitution. The formation and management of political parties shall be subject to the provisions of law on political parties. Political parties must declare openly the sources of their income and their expenditure.*

(Bangkok Post, 28 Februari 1974)

Ini jelas menunjukkan perlembagaan ini lebih bersifat liberal dan memenuhi tuntutan mahasiswa. Dengan adanya penekanan ke atas Artikel 43 dan Artikel 44 tersebut rakyat boleh membentuk persatuan atau parti yang dapat menjadi saluran untuk mereka menyampaikan sebarang tuntutan dan juga mengemukakan permasalahan melalui wakil yang dipilih oleh mereka. Ini juga menunjukkan bahawa usaha golongan mahasiswa menyedarkan rakyat tentang hak mereka untuk berpolitik berbaloi dan kini rakyat yang memiliki kelayakan boleh sama-sama terlibat dalam pentadbiran negara. Bagaimanapun parti-parti politik hendaklah mengumumkan secara terbuka sumber pendapatan dan perbelanjaan mereka. Sementara Artikel 49 dan Artikel 50 turut menyatakan bahawa rakyat boleh menghantar petisyen atau bantahan kepada kerajaan mengikut saluran undang-undang dan rakyat juga boleh mengemukakan saman terhadap kerajaan. Artikel 49 seperti berikut:

*A person or a group of persons has the right to submit a petition under the condition and procedure prescribed by law.*

(Bangkok Post, 28 Februari 1974)

Dan Artikel 50 berbunyi:

*The right of the person to sue a government body which is a juristic person for its liability for an act performed by any public official is guaranteed.*

(Bangkok Post, 28 Februari 1974)

Melalui kedua-dua artikel tersebut menggambarkan yang kerajaan sivil dalam tempoh masa ini cuba mengamalkan sikap toleransi dengan rakyat dan memperlihatkan bahawa kuasa kerajaan juga tertakluk di bawah undang-undang negara. Ini memberi ruang dan peluang kepada rakyat untuk mengemukakan sebarang bantahan yang wajar terhadap kerajaan. Begitu juga dengan tanggungjawab dan hak yang dikenakan ke atas tentera, polis, pegawai awam serta pegawai tempatan adalah sama dengan hak-hak yang diberikan kepada rakyat umum. Ini dinyatakan dalam Artikel 51 seperti berikut:

*Members of the armed forces and of the police forces, civil officials and local officials enjoy the same constitutional right and freedoms accorded to nationals, subject to abridgment imposed by laws, by-laws or regulations issued by virtue of laws involving political activities, efficiency or discipline.*

(Bangkok Post, 28 Februari 1974)

Kebangkitan mahasiswa pada tahun 1973 bukan sahaja berjaya menamatkan dominasi tentera malah membentuk kerajaan demokrasi yang sekaligus melakukan pemurnian semula perlembagaan Thailand agar lebih berpihak kepada kepentingan masyarakat umum. Hasilnya, Perlembagaan 1974 (ke-10) disifatkan sebagai benar-benar demokratik kerana ia juga memperlihatkan berlakunya pengurangan kuasa tentera dan juga peranan 'extra constitutional forces' seperti Raja dan kroninya dan mahasiswa memainkan peranan utama dalam hal ini. Peranan yang dimainkan oleh mahasiswa khususnya menerusi Persatuan NSCT ini benar-benar menunjukkan mahasiswa memainkan peranan secara langsung dalam reformasi politik dan Perlembagaan Thailand 1974 dan ia turut memberi pengaruh yang besar kepada seluruh rakyat Thailand dari semua lapisan masyarakat.

Malangnya, Perlembagaan 1974 yang bercirikan demokrasi ini hanya mampu bertahan selama dua tahun sahaja. Di samping keinginan pihak tentera yang ingin berkuasa semula kerana tidak berpuas hati dengan kerajaan demokrasi, dan ditambah lagi isu kepulangan Thanom Kittikachorn dan Prapass Charusathein dari hukuman buang negara ke Thailand pada tahun 1976 semakin merumitkan keadaan. Pada 6 Oktober 1976 berlaku sekali lagi rusuhan di antara mahasiswa dengan pihak tentera yang akhirnya kerajaan tentera kembali berkuasa di Thailand.

Di bawah pentadbiran kerajaan tentera yang baru telah dibentuk Perlembagaan 1976, dan Perlembagaan 1977 dan kedua-dua perlembagaan ini menguatkuasakan semula Artikel 17 (kuasa khas) seperti mana maksud asalnya iaitu kuasa Perdana Menteri tidak mempunyai had batasan. Malah dalam Perlembagaan 1977 juga tidak mengandungi jaminan untuk hak dan kebebasan rakyat sekaligus menafikan hak rakyat untuk bersuara. Ia nyata bertentangan dengan tuntutan demokrasi yang dilaung-laungkan oleh mahasiswa sekali gus memperlihatkan kegagalan kerajaan Thanin Kraivichien (1976-1977) mengaplikasikan sistem demokrasi yang lebih liberal di Thailand.

Peralihan kuasa dari Thanin Kraivichien kepada Kriangsak Chomanan melalui rampasan kuasa dilihat cuba mengembalikan semula penerapan ciri demokrasi dalam Perlembagaan Thailand. Perlembagaan 1978 digubal dengan mencontohi Perlembagaan 1974 yang bebas dari mana-mana pengaruh atau dominasi ahli politik atau tentera walaupun Perdana Menteri Kriangsak Chomanan adalah dari kalangan tentera. Bagaimanapun tiada pindaan besar yang dilakukan berhubung dengan hak asasi dan politik masyarakat umum melainkan segalanya harus mematuhi undang-undang seperti yang ditetapkan. Perlembagaan ini ternyata gagal memuaskan hati semua rakyat Thai, khususnya kumpulan tentera yang mempunyai kepentingan dalam pentadbiran. Akibatnya pada 23 Februari 1991 berlaku satu rampasan kuasa oleh kumpulan tentera yang diketuai oleh General Suchinda Kraprayoon yang juga menggelarkan kumpulan mereka sebagai Majlis Mengekalkan keamanan Nasional (National Peace Keeping Command (NPKC)). NPKC kemudiannya mengisytiharkan perlembagaan Thailand yang baru pada 1991.

## PERLEMBAGAAN THAILAND VERSI DIRAJA

Dekad 1990-an mengandungi sekurang-kurangnya tiga perlembagaan yang dikategorikan sebagai versi Diraja iaitu Perlembagaan ke-14 (1991), Perlembagaan ke-15 (1991) dan Perlembagaan ke-16 (1997). Ia disifatkan sebagai versi Diraja kerana dalam tempoh masa ini raja dan golongan istana turut memainkan peranan yang aktif dalam politik Thailand. Di samping itu ia juga mengekalkan keutamaan kepada kuasa istana dan hak keistimewaan raja dalam politik sekaligus meminggirkan hak politik dikalangan masyarakat umum. Perkara ini jelas, dalam Perlembagaan ke-14 misalnya, Perdana Menteri Anand Panyarachun (1991-1992) mengisytiharkan undang-undang tentera di seluruh negara Thailand. Kerajaan ini juga tidak membenarkan atau meluluskan pendaftaran untuk parti politik yang baru ditubuhkan manakala parti politik yang sedia ada dilarang menjalankan aktiviti politik. Selain itu sekiranya rakyat berhimpun atas tujuan politik walaupun hanya dihadiri lima orang ia dianggap sebagai satu kesalahan (Pinai Nanakorn, 1999:277) Berdasarkan ketetapan tersebut jelas memperlihatkan sekali lagi perlembagaan digunakan untuk memberi kuasa tanpa batasan kepada Perdana Menteri dan sistem pentadbiran Anand yang menafikan hak berpolitik dalam kalangan rakyat ini menjadi punca kepada penentangan rakyat terhadap kerajaan atau disifatkan juga sebagai kebangkitan massa dan kebanyakan dari gerakan penentangan ini mendapat kerjasama dari golongan aktivis mahasiswa generasi 1973/76. Kebangkitan golongan massa jelas menunjukkan bahawa gerakan kesedaran ke arah demokrasi yang dilaungkan oleh mahasiswa telah menunjukkan keberhasilannya. Rakyat jelas dengan hak mereka dan berani menyatakan bantahan secara terbuka.

Pengisytiharan Perlembagaan ke-15 pada 1991 yang bertujuan untuk mengukuhkan kuasa kerajaan Anand telah mengundang beberapa siri rusuhan menentang kerajaan yang dilancarkan oleh golongan massa termasuklah peristiwa 'Bloody May' pada 1992. Perkara yang menimbulkan rasa kecewa dan marah dalam kalangan masyarakat ialah apabila selepas pilihanraya 1992 parti-parti politik yang bertanggungjawab menubuhkan kerajaan menyokong perlantikan General Suchinda Kraprayoon, Penasihat Presiden NPKC sebagai Perdana Menteri Thailand sedangkan beliau tidak bertanding dalam pilihanraya tersebut. Ia telah mengakibatkan persatuan mahasiswa seperti *Student Federation of Thailand* (SFT) dan *Campaign for Popular Democracy* (CPD) bekerjasama melancarkan demonstrasi pada 7 Mei 1992 untuk membantah perlantikan tersebut dan menuntut Suchinda meletak jawatan. Sehubungan itu, beberapa parti politik dan juga Presiden Dewan Perwakilan Rakyat berjanji melakukan pindaan dalam perlembagaan yang menetapkan bahawa jawatan Perdana Menteri hendaklah dipilih melalui pilihanraya (Pinai Nanakorn, 1999:279). Desakan golongan massa berjaya memaksa Suchinda melepaskan jawatannya dan kejayaan ini menunjukkan kematangan politik dalam kalangan masyarakat umum dan membuktikan yang mereka juga memahami dengan jelas hak-hak rakyat sepertimana yang terkandung dalam pelembagaan.

Seterusnya di bawah kerajaan pimpinan Chuan Leekpai (1997-2001) diisytiharkan Perlembagaan ke-16 yang lebih dikenali sebagai 'People's Constitution' kerana ia benar-benar menunjukkan reformasi politik. Perlembagaan ini memuatkan bab khas iaitu bab 12 yang berkaitan dengan penyediaan perlembagaan baru dalam cara yang lebih efektif dan membenarkan penyertaan masyarakat umum dalam proses merangka draf perlembagaan. Ia berhasil menjadi satu cara untuk mencipta aspirasi rakyat dalam mengetuai perlembagaan. Terdapat beberapa penekanan berhubung kepentingan rakyat antaranya Artikel 46 menyentuh berkenaan usaha dan galakan kepada rakyat supaya mengekalkan adat dan budaya tempatan. Artikel tersebut berbunyi:

Orang yang berhimpun menjadi komuniti daerah peribumi berhak menjaga atau menghidupkan adat istiadat, kepandaian tempatan, seni atau budaya yang baik bagi tempatan dan bangsa, dan boleh mengambil bahagian dalam pengurusan menjaga dan menggunakan faedah daripada sumber alam dan alam sekitar dengan seimbang dan berpanjangan, namun menurut yang ditetapkan oleh undang-undang.

(Perlembagaan Thailand, 1997:14)

Selain itu, Artikel 53-55 pula menyentuh berkenaan perlindungan kanak-kanak, warga tua dan orang kurang upaya. Artikel tersebut menyatakan:

Bahawa kanak-kanak atau belia dalam keluarga berhak untuk mendapat perlindungan dari kerajaan dari penggunaan kekerasan dan perbuatan yang tidak adil. Kanak-kanak dan belia yang tidak mempunyai penjagaberhak untuk mendapat penjaga dan pendidikan dari kerajaan, namun menurut yang ditetapkan oleh undang-undang. Seseorang yang telah berusia lebih dari 60 tahun dan tidak

mempunyai pendapatan yang mencukupi untuk sara hidupnya berhak mendapat pertolongan dari kerajaan, namun menurut yang ditetapkan oleh undang-undang. Seseorang yang cacat atau tidak berupaya, berhak mendapat alat-alat kemudahan awam dan pertolongan lain dari kerajaan mengikut yang ditetapkan oleh undang-undang.

(Perlembagaan Thailand, 1997:16)

Dalam perlembagaan tersebut juga dinyatakan bahawa rakyat berhak mengetahui maklumat awam atau badan milik kerajaan. Artikel 58 menyebut bahawa seseorang individu itu berhak untuk mengetahui maklumat awam dalam badan milik kerajaan, badan negara, perusahaan awam, atau kerajaan daerah, kecuali pendedahan maklumat itu akan menjejaskan kestabilan negara dan keselamatan rakyat. Artikel 58 tersebut dinyatakan dengan jelas seperti berikut:

Seseorang mesti mempunyai hak untuk mengetahui maklumat umum dalam milik badan kerajaan, badan negara, perusahaan umum, atau kerajaan daerah, kecuali pendedahan maklumat itu akan menjejaskan kestabilan negara, keselamatan rakyat atau untung rugi yang harus dapat perlindungan bagi orang lain, [kepentingan individu dan pihak-pihak tertentu yang mendapat perlindungan kerajaan] namun menurut yang ditetapkan oleh undang-undang.

(Perlembagaan Thailand, 1997:17)

Berdasarkan kepada perlembagaan 1997 juga, hak kakitangan awam, polis dan tentera adalah sama. Tidak ada keistimewaan yang diberikan kepada golongan ini. Ini dijelaskan dalam Artikel 64:

Seseorang yang menjadi tentera, polis, pegawai kerajaan, menukar kerajaan yang lain, pegawai-pegawai bahagian daerah dan pegawai atau pekerja lembaga kerajaan, mesti mempunyai hak dan kebebasan menurut perlembagaan sama seperti orang awam, kecuali yang dihadkan dalam undang-undang khusus dalam bahagian yang berkenaan dengan politik, kecekapan, disiplin atau nilai akhlak.

(Perlembagaan Thailand, 1997:18)

Dengan adanya beberapa tambahan ke atas hak asasi dan kebebasan rakyat ini khususnya dalam Perlembagaan 1997 memperlihatkan adanya usaha kerajaan yang memerintah untuk memberikan kuasa kepada rakyat, agar ia benar-benar dapat dilaksanakan untuk kebajikan dan kepentingan rakyat. Pembabitan orang awam dalam proses merangka draf perlembagaan juga dipratikkan dalam Perlembagaan Thailand 1997 dan hasilnya perlembagaan tersebut disifatkan oleh rakyat Thai sebagai Perlembagaan Rakyat. Reformasi politik yang dibawa oleh mahasiswa dan mendapat kerjasama dari masyarakat umum ini berjaya membawa politik Thailand ke arah yang lebih demokratik walaupun sehingga kini kestabilan politik Thailand masih lagi goyah namun ciri-ciri atau prinsip asas demokrasi itu masih dilaksanakan.

## **KESIMPULAN**

Sejak Revolusi 1932 hingga 1997 secara umumnya dalam satu dekad berlaku dua atau tiga kali pindaan perlembagaan. Pindaan-pindaan ini bergantung kepada maksud demokrasi sepertimana yang difahami dan dikehendaki oleh pemerintah ketika itu. Pindaan atau tambahan dalam perlembagaan yang menyentuh isu hak-hak asasi rakyat, hak berpolitik dan kebajikan rakyat dapat dilihat dengan jelas dalam perlembagaan 1974 dan 1997. Keadaan tersebut secara tidak langsung menjelaskan bahawa rakyat boleh menerima baik apa yang telah digubal dalam perlembagaan yang berhubung dengan soal kebajikan mereka. Penentangan rakyat lebih kepada soal pemilihan pucuk pimpinan yang tidak berlandaskan konsep demokrasi dan corak pemerintahan kerajaan yang bercirikan diktator. Mahasiswa memainkan peranan utama dalam membawa rakyat untuk sama-sama terlibat dalam melaksanakan pembaharuan politik di Thailand.

## **BIBLIOGRAFI**

*Bangkok Post*. 1973.

*Bangkok Post*. 1974.

*Bangkok Post*. Draf Perlembagaan Negara Thailand 1974. 28 Februari 1974.

- Kobkua Suwannathat-Pian. (2003). *King Country and Constitutions*. London: Routledge
- Kramol Thongthammachat. (1981). *Evolution of the Thai constitutional regime*, 2nd ed, Bangkok: Duangdee Press.
- Perlebagaan Thailand 1932*. Thailand: Bangkok.
- Perlebagaan Thailand 1946*. Thailand: Bangkok.
- Perlebagaan Thailand 1949*. Thailand: Bangkok.
- Perlebagaan Thailand 1968*. Thailand: Bangkok.
- Perlebagaan Thailand 1972*. Thailand: Bangkok.
- Perlebagaan Kerajaan Thai Edisi Bahasa Melayu Tulisan Jawi 1997*. Thailand: Bangkok
- Pinai Nanakorn. (1999). 'History and evolution of constitutions in Thailand: from the abrogation of the absolute monarchy to the "political reform"'. Thailand: Administrative Law Journal by Office of the Council of State.
- Temubual dengan Dr. Seksan Prasertkul pada 16 September 2008.
- Temubual dengan Giles Ji Ungpakorn pada 17 September 2008.
- Temubual dengan Prof. Thanet Apornsuvan pada 7 Januari 2009.